

# Perintah mahkamah berhubung harta UMNO adil — PM

KUALA LUMPUR 15 Ogos — Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menyifatkan perintah Mahkamah Tinggi supaya segala aset, hutang dan liabiliti UMNO lama diserahkan kepada UMNO sekarang adalah sangat adil.

Katanya, keputusan itu amat diharapkan kerana pada hakikatnya harta UMNO lama adalah sememangnya milik UMNO.

"Inilah yang kita harapkan...sebenarnya aset dan liabiliti UMNO adalah milik UMNO sekarang...walaupun ia secara teknikal dianggap sebagai tidak *legal* tetapi hakikatnya UMNO yang ada sekarang ini ialah UMNO dahulu," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menyampaikan hadiah Pertandingan Johan Kemahiran Malaysia Kelima di sini hari ini.

Perdana Menteri berkata, kebanyakan ahli UMNO dahulu kini telah menganggotai UMNO sekarang begitu juga dengan identiti dan dasar-dasar yang dijalankan.

"Justeru itu amatlah te-

pat jika harta UMNO dahulu diberikan kepada UMNO yang ada sekarang," katanya.

Ditanya apakah keputusan Mahkamah Tinggi ini akan meningkatkan lagi pengaruh UMNO, Dr. Mahathir berkata, "saya tidak tahu (kesan) dari segi pengaruh...mungkin UMNO bertambah pengaruh tetapi kita anggap ia sebagai satu keputusan yang cukup adil," katanya.

## Proses

Bagaimanapun Perdana Menteri berkata, UMNO merasa sedikit kecewa kerana proses untuk mendapat semula harta tersebut memakan masa yang agak panjang.

"Ini bukan salah mahkamah tetapi kerana proses undang-undang dan sementara itu banyak harta UMNO sudah rosak dan sebagainya serta kita tidak dapat menyenggara harta ini dengan baik dan kehilangan pendapatannya daripada harta kita sendiri," tegasnya.

Mengenai tindakan setengah pihak yang mu-

ngkin akan mencabar keputusan itu Dr. Mahathir berkata, beliau tidak mengetahui perkara itu kerana beliau berpendapat proses untuk berbuat demikian sudah tamat.

"Kita sudah bagi notis yang cukup untuk mana-mana pihak membuat bantahan tetapi tidak ada bantahan, tambahan pula kita berpendapat tuntutan kita itu disokong oleh semua alasan undang-undang yang ada," katanya.

Ditanya adakah ini bermaksud pembangkang telah gagal dalam usaha mereka dalam mendapatkan harta itu, Dr. Mahathir berkata, "saya tidak kira dia (pembangkang) gagal...bagi saya ia adalah kejayaan untuk UMNO."

Dr. Mahathir juga memberitahu, Majlis Tertinggi parti itu akan mengadakan perjumpaan tidak lama lagi bagi membincangkan perkara tersebut apabila menerima keputusan rasmi.